



SIARAN MEDIA

IGEM2025 & KLSS: KEPIMPINAN MALAYSIA UNTUK ASEAN YANG HIJAU DAN INKLUSIF

Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, Malaysia telah meletakkan kelestarian dan tindakan iklim sebagai teras agenda serantau kita, selaras dengan usaha Malaysia untuk terus menjadi pemacu perubahan.

“Menerusi Sidang Kemuncak Kelestarian Kuala Lumpur (KLSS), Malaysia telah memperkukuh wacana iklim ASEAN dengan menyelaraskan rantau ini kepada tiga keutamaan utama: penyesuaian, mitigasi, dan daya tahan. Melalui Pameran dan Persidangan Produk Ekologi dan Teknologi Hijau Antarabangsa Malaysia (IGEM), kita bergerak dari dasar ke peluang, mengubah perbincangan menjadi kerjasama, dan kerjasama menjadi projek. IGEM menampilkan teknologi yang akan membentuk generasi baharu industri, daripada tenaga bersih dan mobiliti lestari kepada pengurangan sisa, pengurusan karbon, dan penyelesaian berasaskan alam semula jadi,”

Demikian dinyatakan oleh Menteri Perladangan dan Komoditi merangkap Pemangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar, Datuk Seri Johari Abdul Ghani ketika merasmikan IGEM dan menutup Sidang Kemuncak Kelestarian Kuala Lumpur (KLSS) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dato’ Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar, Dato’ Sri Huang Tiong Sii; Timbalan Menteri Ekonomi, Dato’ Hajjah Hanifah Hajar Taib; Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim; Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam Sekitar), Datuk Nor Yahati Awang; serta Pengerusi MGTC, Shareen Shariza Dato’ Abdul Ghani.

Beliau menambah, “pada masa yang sama, saya ingin menegaskan bahawa IGEM ialah platform yang inklusif dan bukan hanya untuk syarikat besar semata-mata. Ia juga merupakan landasan pelancaran bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), yang merupakan tulang belakang ekonomi kita dan nadi kepada transformasi hijau Malaysia.

Selari dengan itu, Kerajaan sedang memuktamadkan Dasar Pasaran Karbon Negara, yang akan menetapkan pendekatan Malaysia terhadap perdagangan karbon dan membimbing penggunaan harga karbon bagi merangsang pelaburan, inovasi dan pertumbuhan rendah karbon. Dasar ini juga akan menggalakkan projek kredit karbon dalam bidang perhutanan, tenaga boleh diperbaharui, dan penyelesaian berasaskan alam semula jadi — sekali gus mewujudkan peluang pendapatan baharu bagi kerajaan negeri, komuniti tempatan, dan pelabur swasta.

Selain itu, Rang Undang-Undang Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) yang telah diluluskan awal tahun ini, meletakkan Malaysia sebagai hab serantau dalam pengurusan karbon, satu sektor yang berpotensi membuka nilai ekonomi sehingga USD 250 bilion dalam tempoh tiga dekad akan datang.

Sementara itu, katanya lagi, Malaysia telah memuktamadkan Sumbangan Nasional yang Ditentukan Ketiga (NDC 3.0) di bawah Perjanjian Paris. Sasaran ini yang bercita-cita tinggi tetapi praktikal menzahirkan komitmen teguh Malaysia untuk mempercepat peralihan kepada ekonomi rendah karbon. NDC 3.0 dibangunkan melalui rundingan bersama kerajaan negeri, industri dan kumpulan masyarakat sivil. Setelah diluluskan oleh Jemaah Menteri, Malaysia akan mengemukakan NDC 3.0 kepada Sekretariat UNFCCC.

Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif ini menunjukkan bahawa peralihan hijau Malaysia adalah terancang, strategik dan berterusan. Ia merupakan misi nasional jangka panjang yang dibina atas dasar yang kukuh, perundangan yang jelas, dan peluang ekonomi yang mampan..

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
16 OKTOBER 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia